

KRITIKAN ABDUL KARIM SOROUSH TERHADAP SYARIAH ISLAM: SATU ANALISIS

*Faiz Hadi Sanadi, Mazlan Ibrahim & Mohd Akil Muhamed Ali**

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

*akil@ukm.edu.my**

ABSTRACT

The exegetes have put some guidelines to ensure the interpretation of the verse is necessarily valid with the Quran and Sunnah. These established guidelines existed to prevent the deviations of Quranic verses by the Islamic liberal, such as Abdolkarim Soroush. Exegete Quranic verses mean an effort to interpret or explain the verses and its contents to make it easily understandable. Therefore, among the attractive exegesis to study is Soroush's ideas regarding religious toleration according to Islam. The objective of this study is to know the way of interpretation made by Abdolkarim Soroush regarding the Quranic verses for religious toleration. The methodology of this study was qualitative, using the analysis of a few approaches, such as the Quranic verses, documents, and journals related to religious toleration. The findings showed that few things need to be corrected, according to Abdolkarim Soroush. The first thing is the reinterpretation of Quranic verses. The second thing is the acceptance of religious diversity (religious pluralism). The third change is the freedom in Islamic law (shariah), and the last change is about the concept of *ahlu al-dhimmah*. The reinterpretation of Quranic verses showed that Islam is a universal religion and spread according to the suitability of time.

Keywords: exegesis, Abdolkarim Soroush, Quranic reinterpretation, Religious pluralism, Freedom of Islamic law

ABSTRAK

Dalam konteks menafsirkan sesuatu ayat al-Quran, para mufassirin telah meletakkan beberapa garis panduan untuk memastikan bahawa setiap tafsiran itu sejajar dengan al-Quran dan al-sunnah. Garis panduan yang ditetapkan ini diwujudkan untuk mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan-penyelewengan terhadap ayat-ayat al-Quran ini terutamanya bagi golongan liberal Islam seperti Abdul Karim Soroush. Menafsirkan al-Quran bermaksud upaya untuk menjelaskan sesuatu ayat dan isi kandungan al-Quran agar lebih jelas. Oleh itu, dalam kajian ini, antara tafsiran yang menjadi tarikan untuk dikaji adalah tafsiran Abdul Karim Soroush berkenaan dengan toleransi menurut agama Islam. Objektif kajian ini adalah untuk melihat bagaimana tafsiran yang dilakukan oleh Abdul Karim Soroush berkenaan dengan ayat-ayat al-Quran berkenaan dengan toleransi. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis ayat-ayat al-Quran, dokumen-dokumen, dan jurnal-jurnal yang berkaitan dengan toleransi. Hasil kajian mendapati bahawa antara perkara-perkara yang perlu ditafsirkan semula menurut Abdul Karim Soroush adalah mentafsirkan semula al-Quran. Kedua, penerimaan kepelbagaian agama (pluralisme agama). Ketiga, kebebasan dalam syariah Islam dan yang terakhir ialah mengenai konsep *ahlu al-dhimmah*. Pentafsiran baru ini menunjukkan bahawa agama Islam adalah satu agama yang bersifat universal dan bergerak mengikut peredaran dan kesesuaian zaman.

Kata kunci: Tafsiran Abdul Karim Soroush, Pentafsiran Semula Al-Quran, Pluralisme Agama, Kebebasan Syariah Islam

PENGENALAN

Menurut Ibnu Kathir (2009), Allah SWT telah memberikan satu kenikmatan kepada umat Islam dengan agama yang diređai-Nya iaitu agama Islam dan perutusan Nabi SAW sebagai Nabi terakhir yang menjadi pedoman serta contoh yang wajib diikuti bagi seluruh umat manusia. Kemudian, diturunkan pula al-Quran kepada Baginda SAW untuk diajarkan kepada umat-umatnya yang terhimpun di dalamnya pelbagai perkara termasuk mengenai kehidupan manusia. Perubahan kehidupan ke arah yang lebih baik merupakan fitrah bagi seseorang manusia untuk mencapai kebahagiaan dan kesenangan dalam kehidupan. Setiap individu yang ingin mencapai kebahagiaan tersebut, perlu mempunyai semangat daya fikir yang tinggi serta bersifat rasional dalam setiap perkara.

Selain itu, menurut Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled (2008), Islam merupakan agama yang bersifat universal (*‘alamiyyah*), toleransi (*tasāmuḥ*) dan kasih sayang (*mahabbah*) dalam semua aspek kehidupan. Jika dilihat, ketiga-tiga elemen ini saling memerlukan dalam memupuk dan melahirkan manusia yang berakhlak baik dan bermoral. Tetapi, walaupun Islam menekankan sedemikian, setiap perkara ini perlu diperhalusi kerana agama Islam tertakluk kepada kesesuaian dan kewajaran yang boleh diterima oleh masyarakat sekeliling. Dengan kata lain, bukan semua perkara perlu disesuaikan dengan ajaran Islam seperti dalam ibadah yang khusus dan juga perkara-perkara yang bersifat *tawfiqiah* (sesuatu yang telah ditetapkan dengan dalil) yang terkandung dalam agama Islam itu sendiri.

Justeru, pada zaman yang moden ini, muncul golongan-golongan intelektual dan ahli falsafah yang cuba untuk memodenkan semula hukum-hakam yang terkandung di dalam al-Quran agar bersesuaian dengan peredaran masa dan antara salah satu tokoh Islamnya adalah Abdul Karim Soroush yang dikenali antara salah seorang pemikir Islam yang cuba untuk menjadikan agama Islam itu sebagai agama yang bersifat universal dari setiap aspek. Abdul Karim Soroush ini merupakan golongan gerakan intelektual Iran yang berpengaruh pada ketika dahulu dan merupakan antara tokoh falsafah yang sedaya upaya mengkritik dan menentang Islam selepas kematian Ayatullah Khomeini pada tahun 1989 (Behrooz Ghamari-Tabrizi 2013).

Selain itu, Abdul Karim Soroush ini juga merupakan perintis kepada bermulanya era perubahan dari sudut pemikiran di mana beliau mengkritik secara keras mengenai sistem perundangan Islam yang dilakukan pada ketika itu perlu diubah berdasarkan kepada peredaran zaman atau dengan kata lain, setiap perkara yang terkandung dalam al-Quran dan hadis perlu ditafsirkan semula agar sesuai dan relevan sepanjang zaman. Bahkan kemunculan kaum Rasionalis ini, melahirkan golongan yang lebih mengutamakan hak berbanding kewajipan dan ini membuatkan agama itu dipandang tidak bernilai (Rifki Pahlevi 2014: 7).

TOLERANSI AGAMA DALAM ISLAM

Pada zaman moden ini, umat Islam telah ditindas dengan pelbagai tohmahan yang dapat menghilangkan kesucian agama itu sendiri. Islam juga merupakan agama rahmat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk disebarkan kepada seluruh dunia. Jika dilihat kepada zaman pemerintahan Rasulullah SAW, baginda juga turut mengamalkan sikap toleransi ketika memerintah Madinah. Toleransi ini merupakan salah satu ajaran yang di ambil dari ayat-ayat al-Quran untuk dijadikan pedoman dalam melakukan sesuatu perkara sama ada melibatkan budaya, sosial dan agama. Tetapi di dalam al-Quran lafaz toleransi itu tidak disebut secara khusus mengenainya tetapi hanya difahami berdasarkan kepada konteks ayat sahaja. Oleh itu, dalam penulisan ini, penulis cenderung untuk mengkaji ayat-ayat berkenaan toleransi yang terdapat di dalam al-Quran.

Selain itu, untuk memperkuat lagi mengenai lafaz toleransi tidak disebut dalam al-Quran secara khusus, menurut Mazlan Ibrahim (2017) dalam penulisan beliau iaitu *Al-Tasamuh Dalam al-Quran: Satu Kajian Tafsir Tematik*, menurut beliau, lafaz tersebut tidak disebut secara khusus tetapi perkataan seerti dengannya dapat dilihat seperti lafaz *al-Safhu* dan *al-Afwu* yang banyak dijelaskan. Makna bagi lafaz tersebut pula adalah seolah-olah menyeru manusia agar tidak mengamalkan sikap radikal dan perlu saling memaafkan jika berlaku pertelingkahan antara manusia.

Oleh itu, berdasarkan kepada penelitian penulis, terdapat tiga surah yang ingin dikaji berkenaan dengan konsep toleransi yang terdapat di dalam agama Islam. Antara surah-surahnya adalah al-Baqarah ayat 256, al-Mumtahanah ayat 8-9 dan al-Kāfirūn ayat 1-6 dan ini dapat dilihat seperti mana jadual berikut:

No	Surah & No surah	Ayat & Maksud
1	Al-Baqarah (2): 256	<p>لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۚ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ</p> <p>Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.</p>
2	Al-Mumtahanah (60): 8-9	<p>لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الدِّينِ ۖ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَا يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ۚ إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الدِّينِ قَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوْهُمْ ۗ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ۗ</p> <p>Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.</p>
3	Al-Kāfirūn (109): 1-6	<p>قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ ۚ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ۚ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ۚ وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ ۚ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ۚ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ</p> <p>Katakanlah (wahai Muhammad): "Hai orang-orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku".</p>

Menurut Muhammad Bin °Alī Bin Muhammad Al-Shaukānī (1995) dan Ibnu Kathir (2008), tafsiran bagi surah al-Baqarah ayat 256 ini adalah berkenaan dengan tiada paksaan bagi golongan-golongan selain Islam untuk memeluk Islam. Ini kerana dalil ini secara jelas menunjukkan bahawa tiada paksaan dalam agama. Tetapi jika seseorang itu telah diberi hidayah oleh Allah SWT untuk memeluknya, maka tiada halangan dan kesukaran baginya untuk menerima agama Islam tersebut dan begitu juga sebaliknya. Kemudian, diriwayatkan oleh Ibnu Jarir, dari Ibnu °Abbas, ia menceritakan terdapat seorang wanita yang sukar untuk mendapatkan anak lalu dia berjanji kepada dirinya, sekiranya anaknya itu hidup maka ia akan menjadikannya Yahudi. Selepas itu, ketika mana kaum bani Nadhir dihalau, terdapat di antara mereka anak-anak kaum Ansar lalu mereka berkata: “*Kami tidak mendakwahi anak-anak kami*”. Maka turun ayat 256 ini. Kemudian, terdapat hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud berkenaan dengan sebab turun ayat ini seperti mana berikut:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عُمَرَ بْنِ عَلِيٍّ الْمُقَدَّمِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا أَشْعَثُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ يَغْنِي السَّجِسْتَانِيُّ ح وَ حَدَّثَنَا ابْنُ بَشَّارٍ قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي عَدِيٍّ وَهَذَا لَفْظُهُ ح وَ حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ عَلِيٍّ قَالَ حَدَّثَنَا وَهْبُ بْنُ حَرِيرٍ عَنْ شُعْبَةَ عَنْ أَبِي بَشِيرٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ جَبْرِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ، كَانَتْ الْمَرْأَةُ تُكُونُ مِفْلَاتًا فَتَجْعَلُ عَلَى نَفْسِهَا إِنْ عَاشَ لَهَا وَلَدٌ أَنْ تُهَوِّدَهُ فَلَمَّا أُجْلِيَتْ بَنُو النَّضِيرِ كَانَ فِيهِمْ مِنْ أَبْنَاءِ الْأَنْصَارِ فَعَالُوا لَا نَدْعُ أَبْنَاءَنَا فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ (لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ) قَالَ أَبُو دَاوُدَ الْمِفْلَاتُ الَّتِي لَا يَعِيشُ لَهَا وَلَدٌ.

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin °Umar bin °Ali al-Muqaddami, ia berkata; telah menceritakan kepada kami Ash'atsh bin Abdullah al-Sijistani, dan telah diriwayatkan dari jalur yang lain: Telah menceritakan kepada kami Ibnu Bashār, ia berkata, telah menceritakan kepada kami Ibnu Abu °Adi, dan ini adalah lafaznya. Dan telah diriwayatkan dari jalur yang lain. Telah menceritakan kepada kami al-Hasan bin °Ali, ia berkata: telah menceritakan kepada kami Wahb bin Jañr, dari Shu'bah dari Abu Bishr dari Sa'īd bin Jubair dari Ibnu °Abbas, ia berkata: terdapat seorang wanita yang tidak memiliki anak kerana terus meninggal, kemudian ia bersumpah atas dirinya bahawa apabila ia memiliki anak yang hidup maka ia akan menjadikannya seorang Yahudi. Kemudian tatkala Bani Nadhir diusir, di antara mereka terdapat anak-anak orang anshar, kemudian mereka mengatakan: kita tidak akan meninggalkan anak-anak kita. Kemudian Allah menurunkan ayat: "Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam), sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat." Abu Daud berkata; Miqlat adalah wanita yang tidak memiliki anak yang hidup.

(Hadis Riwayat Abu Daud, Kitab: Jihad, Bab: Tawanan Dipaksa Untuk Masuk Islam, No: 2307)

Kemudian, pada surah berikutnya, dapat dilihat bahawa sikap toleransi ini juga turut disebut dalam surah al-Mumtahanah ayat 8-9. Menurut Ibnu Kathir (2008) ayat ini mengenai Allah SWT tidak melarang seseorang itu untuk membantu dan berbuat baik kepada orang-orang kafir yang tidak memerangi agama Islam. Selain itu, terdapat juga hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dari Asma' binti Abi Bakar RA, ia bercerita: “*Ibuku pernah datang kepadaku sedang ia dalam keadaan musyrik pada waktu kaum Quraish melakukan perdamaian (Hudaibiyah). Lalu kukatakan: “Ya Rasulullah, sesungguhnya ibuku datang kepadaku dan berharap (dia dapat bertemu denganku), apakah aku boleh menyambung hubungan dengannya?.* Beliau menjawab: “*Ya, sambunglah hubungan dengan ibumu*”.

Kemudian, menurut Ahmad Mustafa al-Marāghi (2001), penurunan ayat ini adalah berkenaan dengan Qutaylah binti °Abd al-°Uzza datang menemui anak perempuannya iaitu Asma' binti Abu Bakar dengan membawa beberapa hadiah yang diperbuat daripada *khardal*, *zabib*, keju dan minyak sapi sedangkan ia pada ketika itu adalah seorang wanita musyrik. Asma' menolak untuk menerima hadiah atau meletakkan di rumahnya, lalu beliau meminta Aishah RA bertanya tentang perkara

tersebut kepada Rasulullah SAW. Lalu turun ayat ini. Kemudian Rasulullah SAW memerintahkan kepada Asma' agar menerima hadiah itu dan membenarkan ibunya masuk ke rumah. Menurut al-Hasan dan Abu Salih berkata, ayat ini turun mengenai Khuzā'ah, bani al-Harīth Ibn Ka'ab, Muzaynah dan beberapa kabilah Arab lain di mana mereka berjanji untuk tidak menentang baginda dan membantu orang lain menentangnya.

Kemudian, berkenaan dengan sikap toleransi yang terdapat dalam surah al-Kāfirūn, jika diperhatikan kepada ayat ini, antara sebab turunnya ayat ini adalah berkenaan kedatangan Nabi Muhammad SAW untuk menerangkan bahawa agama yang dipegang oleh kaum tersebut merupakan agama yang dibawa Nabi Ibrahim AS. Kemudian sebahagian mereka berkata kenapa perlu berpegang kepada agama Nabi Muhammad SAW sedangkan agama yang mereka anuti juga merupakan agama yang sama. Selepas itu, mereka juga turut berusaha dalam memujuk Rasulullah SAW agar mengikuti agama mereka dengan menyembah tuhan-tuhan mereka sebagai pertukaran menyembah tuhan baginda. Ini kerana berkemungkinan fahaman-fahaman mereka telah bercampur-aduk dengan tradisi yang dibuat oleh nenek moyang mereka, lalu untuk menghapuskan kekeliruan ini, Rasulullah SAW meletakkan garis tengah atau pemisah yang tegas di antara ibadat mereka dengan orang Islam termasuk dalam perundangan, sistem-sistem kehidupan dan kefahaman. Maka surah ini diturunkan untuk menegaskan bahawa untuk menolak segala usaha dan tawar-menawar di antara perkara tauhid dan syirik serta menegaskan tanda-tanda perbezaan yang jelas antara hak dan batil (Kārim al-Sayyid Ghanīm 2010: 439).

Selain itu, menurut 'Imaduddin Abi al-Fidā' Isma'īl Bin Kathīr (1981), menurut beliau juga surah ini adalah mengenai perbuatan kaum kafir berdasarkan lafaz *قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ* yang membawa maksud kesemua orang kafir yang berada di atas muka bumi. Tetapi apa yang dimaksudkan dalam ayat ini secara keseluruhan adalah kaum kafir Quraish di mana mereka meminta kepada Rasulullah SAW agar menyembah tuhan-tuhan mereka (berhala). Kemudian, Allah SWT menurunkan ayat ini kepada Rasulullah SAW untuk menolak dan meninggalkan agama mereka kerana agama itu berupa agama yang menundukkan diri dengan menyembah kepada selain Allah SWT.

Sehubungan itu juga, jika dilihat kepada sejarah pemerintahan pada zaman Nabi Muhammad SAW, sikap toleransi yang ditunjukkan beliau beserta para sahabat merupakan contoh kepada masyarakat pada waktu itu walaupun terdapat sebahagian yang tidak dihargai dengan baik oleh golongan bukan Islam tetapi tetap menerimanya dengan berlapang dada. Ini dibuktikan lagi dengan peristiwa perjanjian dengan golongan kafir Mekah (perjanjian Hudaibiyah) di mana dalam perjanjian itu, telah jelas kelihatan sikap kaum kafir yang tidak terpuji, sombong dan bongkak. Selain itu, dalam perjanjian itu juga, Rasulullah SAW telah menulis beberapa perjanjian antaranya sekiranya ada yang keluar daripada Mekah dan bergabung dengan Nabi SAW untuk masuk Islam, maka harus dikembalikan tetapi sekiranya umat Islam bergabung dengan kaum kafir Mekah, maka tidak wajib untuk dikembalikan ke Madinah. Pada awalnya, ramai dalam kalangan kaum Muslimin tidak menerima perjanjian tersebut kerana tidak mahu dianggap lemah oleh golongan tersebut, tetapi diterima dengan berlapang dada oleh Rasulullah SAW (Anita Khusnun Nisa' & M. Wahid Nur Tualeka 2016: 4).

Oleh itu, berdasarkan kepada tafsiran-tafsiran yang dilakukan oleh para *mufassirin* ini, dapat dilihat bahawa elemen toleransi yang terdapat dalam surah al-Baqarah ini adalah mengenai tiada paksaan bagi seseorang untuk memeluk agama Islam. Ini kerana, sekiranya paksaan berlaku ke atas seseorang yang bukan Islam untuk memeluk agama Islam, maka tidak mustahil bagi seseorang itu untuk kembali kepada agama asalnya kerana tiada keikhlasan dalam diri mereka

untuk memeluk Islam. Kemudian berkenaan dengan surah al-Mumtahanah pula, dapat dilihat pula bagaimana baginda SAW menyuruh Asma' binti Abu Bakar untuk menerima dan melayan ibunya dengan baik walaupun berbeza agama. Ini menunjukkan bahawa Islam tidak melarang bagi seseorang untuk berbuat baik kepada manusia lain walaupun berlainan agama. Manakala dalam surah al-Kāfirūn pula, Rasulullah SAW memilih jalan tengah dalam memisahkan antara perkara yang hak dan yang batil. Sikap toleransi yang ditunjukkan ini merupakan satu elemen yang penting bahawa Islam turut menghormati agama-agama yang lain dan untuk itu, beberapa rujukan lain akan diperincikan lagi untuk melihat pandangan toleransi tersebut pada zaman sekarang.

1. Pentafsiran Semula Al-Quran

Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang teragung yang diturunkan kepada Nabi SAW. Selain itu, pengertian maksud yang terdapat dalam al-Quran adalah bersifat umum dan untuk memahami dengan lebih mendalam lagi mengenai sesuatu ayat, maka beberapa metode pentafsiran telah diperkenalkan oleh ulama muktabar untuk memudahkan maksud dan mengetahui tujuan sebenar bagi sesuatu ayat itu diturunkan. Oleh itu, antara metode-metode tafsir yang digunakan oleh ulama muktabar adalah tafsir al-Quran dengan al-Quran atau lebih dikenali dengan *tafsīr bi al-ma' thūr* dan *tafsīr bi al-ra'yi*.

Menurut Muhammad Husīn al-Dhahabī (2000), *tafsīr bi al-ma' thūr* bermaksud tafsiran sesuatu ayat al-Quran dengan ayat al-Quran yang lain yang merupakan penjelasan bagi sesuatu ayat tersebut. Selain itu, tafsir ini juga turut mentafsirkan ayat al-Quran dengan hadis Nabi SAW, para sahabat, para *ābīn* dan segala sesuatu yang sifatnya menerangkan maksud dari ayat al-Quran tersebut. Selain itu, dalam penulisan beliau juga, turut dimasukkan pendapat para *ābīn* kerana berdasarkan kepada pemerhatian beliau terhadap kitab-kitab yang menggunakan metode *tafsīr bi al-ma' thūr* ini, turut memasukkan pendapat para *ābīn* seperti *Tafsir Ibnu Ja'ir*. Selain itu, menurut Arie Machlina Amri (2014), antara kitab *tafsīr bi al-ma' thūr* yang lain pula adalah kitab *Jam' al-Bayan fi Tafsīr al-Quran* yang dikarang oleh *Ibnu Ja'ir al-Ṭobari*.

Selain itu, maksud *tafsīr bil al-ra'yi* pula adalah tafsiran sesuatu ayat itu berdasarkan kepada ijtihad para *mufassir* yang mempunyai kepakaran seperti mana menguasai bahasa dan kaedah bahasa Arab, lafaz-lafaz dan dalālahnya, mengetahui syair-syair *al-jāhilī*, mengetahui sebab turunnya sesuatu ayat (*asbab nuzul*), mengetahui *nāsakh* dan *mansūkh* berkenaan ayat-ayat al-Quran dan ilmu-ilmu lain yang diperlukan dalam mentafsirkan sesuatu ayat (Muhammad Husīn al-Dhahabī 2000) dan menurut Arie Machlina Amri (2014), antara kitab *tafsīr bil al-ra'yi* adalah *Madarik al-Tanzīl wa Haqāiq al-Tanwīl* yang ditulis oleh Mahmud al-Nasafi.

Mengikut Abdul Rahim Soroush, beliau mengakui akan mukjizat al-Quran sebagai sumber bagi seluruh umat Islam, tetapi menurut beliau terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki dan diperbaharui semula mengenai pentafsiran-pentafsiran tersebut. Ini tidak hairan menyebabkan beliau mengkritik keras golongan-golongan ulama Iran pada ketika dahulu. Menurut beliau, agama itu merupakan sesuatu rahmat yang diberikan kepada manusia untuk mengatur segala kehidupan dan pada masa yang sama sikap manusia yang mempunyai pelbagai ragam, dapat diatur dan di kawal dengan peraturan-peraturan syariah. Tetapi, beliau berpendapat sesuatu hukum itu perlu sejalar dan sejajar dengan kehendak manusia yang kompleks kerana sesuatu pemikiran dan pengetahuan itu akan muncul hasil daripada pemikiran manusia itu sendiri dan pemikiran ini dapat mempengaruhi masyarakat atau sebaliknya. Keadaan-keadaan manusia yang ingin kepada kebebasan merupakan satu fitrah yang diinginkan dalam setiap kehidupan tanpa sebarang sekatan dan keadaan ini menunjukkan bahawa segala kehendak manusia itu lebih berunsurkan kepada manusiawi.

Selain itu, idea-idea yang berkembang membantu menghasilkan kehendak untuk ke arah perubahan yang lebih baik, tetapi disekat dengan agama yang bersifat ketuhanan ini, menyebabkan berlaku perpecahan dan pembahagian dan ini telah mengotori sifat agama ini sendiri. Sehubungan itu, sifat pengkaji yang lebih rasional akan menghasilkan pemikiran yang berbeza-beza seperti wujudnya kelompok yang masih berpegang dan percaya kepada adat sedangkan akal itu dicipta untuk berfikir dan menganalisis sesuatu perkara tanpa mengambilnya secara terus tanpa dikaji. Selain itu juga, kemampuan manusia untuk berfikir dan menganalisis sesuatu makna teks agama ini dapat menghasilkan satu paradigma sebagai asas penyebaran dan pembentukan pengetahuan manusia (Hadi Munawar 2004: 6).

Selain itu, menurut Abdul Karim Soroush, untuk memahami pengetahuan terutamanya mengenai agama, seseorang itu perlu menguasai beberapa ilmu pengetahuan lain seperti teori kosmologi (ilmiah atau metafizik), antropologi dan linguistik yang merupakan teras dalam memahami sesuatu perkara. Kefahaman agama juga sering dikaitkan dengan kerangka epistemologi atau dikenali sebagai teori tentang ilmu pengetahuan. Selain itu, kerangka bagi kefahaman ini akan melahirkan dua pecahan yang berbeza iaitu jika kerangka itu semakin luas, maka semakin luas horizon pemahaman mengenai agama dan sebaliknya. Oleh itu, maka Abdul Karim Soroush telah memberi satu gelaran khusus bagi pemahaman tersebut yang dikenali sebagai teori perluasan dan penyempitan pengetahuan agama (Hadi Munawar 2004: 6).

Selain itu, jika diperhatikan apa yang dibuat oleh Abdul Karim Soroush ini, dapat diumpamakan sebagai reformasi epistemologi iaitu perubahan ke arah yang lebih baik mengenai teori tentang ilmu pengetahuan. Dengan kata lain, perubahan ini cuba untuk menghubungkan antara tradisional Islam dengan moden Barat. Kenyataan ini dapat dilihat seperti akal dan wahyu, perbezaan antara agama dan ilmu agama dan perbezaan antara sesuatu yang kekal dengan sesuatu yang berubah-ubah dalam agama. Hasil daripada teori perluasan dan penyempitan pengetahuan agama ini, menunjukkan bahawa ini merupakan antara metodologi yang digunakan dalam pemikiran beliau dan merupakan kerangka pemikiran yang berkembang dalam pelbagai tema pemikirannya (Hadi Munawar 2004: 7).

Menurut beliau, hanya agama yang tidak akan mengalami perubahan sedangkan pemahaman dan ilmu mengenainya akan berevolusi termasuk kepada pentafsiran agama dan ilmu agama itu sendiri bersesuaian dengan waktu dan perubahan ini yang menjadi penyekat dan menghalangi untuk lahirnya golongan yang bersifat eksklusif dalam beragama (Badarussuamsi 2015: 59)

Hasil daripada penelitian ini, penulis lebih cenderung kepada istilah pentafsiran semula al-Quran kerana sesuatu hukum dan syariah itu terbentuk berdasarkan kepada dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Ini kerana mustahil sesuatu hukum itu muncul tanpa bersumberkan kepada sumbernya. Selain itu, teori yang diperkenalkan Abdul Karim Soroush ini lebih menjurus kepada kepentingan dan keterbukaan serta kesan ini dapat membuatkan agama itu semakin hari semakin dilupakan dan akhirnya agama bukan lagi sesuatu yang penting dalam kehidupan. Sehubungan itu, pemilihan kepada istilah pentafsiran al-Quran itu lebih komprehensif untuk digunakan kerana pentafsiran itu lebih menjurus kepada sesuatu yang baru tetapi masih berpaksikan kepada dalil yang nyata.

2. Pluralisme Dalam Agama

Pluralisme agama adalah satu istilah yang muncul dalam ilmu falsafah yang bermaksud kewujudan pelbagai agama dan dakwaan yang dibuat oleh setiap agama terhadap kebenaran agama masing-masing dan lebih dikenali dengan *religious truth claim*. Jika dilihat kepada sejarah kemunculan istilah

falsafah ini adalah pada akhir kurun ke 20. Selain itu, falsafah pluralisme ini juga berkait rapat dengan kewibawaan falsafah di mana berusaha untuk meleraikan persoalan yang timbul akibat dakwaan yang dilakukan oleh sesetengah penganut agama atau ini lebih dikenali menjadikan agama yang bersifat eksklusif kepada *inclusive*. Dengan kata lain, pluralisme ini adalah istilah yang diambil dari bahasa Inggeris (plural) yang merujuk kepada sesuatu yang lebih daripada satu entiti manakala menurut konteks falsafah Greek pula, lawan bagi istilah tersebut adalah *monisme* dan kedua-dua istilah ini merujuk kepada falsafah metafizik pendebatan antara dua aliran pemikiran tentang unsur alam. Secara umumnya, falsafah ini merujuk kepada kewujudan pelbagai agama dan dakwaan terhadap kebenaran yang dibawa. Dengan kata lain, menjadikan setiap agama itu benar tanpa mengkhususkan kepada agama tertentu seperti seseorang penganut agama Islam tidak boleh untuk mengatakan bahawa hanya agama Islam sahaja yang membawa kebenaran yang mutlak dan perlu dianuti manakala agama lain tidak boleh diamalkan. Kemudian muncul pula istilah lain iaitu *inclusive* yang bermaksud wujudnya satu agama yang mutlak tetapi agama-agama lain hanya sebahagian daripada kebenaran mutlak tersebut (Haslina Ibrahim 2011: 2).

Tambahan pula, jika diperhatikan kepada konsep pengajian Islam semasa, usaha reformasi ini (pluralisme) ini berjalan dengan lancar sehingga kejayaannya itu diiktiraf oleh sarjana luar tetapi jika diteliti dengan lebih halus, usaha ini belum lagi mencukupi untuk tempoh waktu yang panjang kerana cabaran besar dan perubahan fenomena dunia akan memberi kesan yang berpanjangan terutamanya kepada generasi yang terkemudian di mana penguasaan dunia lebih berpaksikan kepada kuasa kapitalis Barat. Selain itu, usaha untuk melakukan reformasi ini juga mendapat tentangan daripada golongan-golongan '*lama*' yang lebih bersifat *taqlid* kepada sesuatu pegangan tanpa dalil yang kukuh. Sifat *mentaqlid* ini memberi kesan yang agak teruk kepada sesebuah negara terutamanya bagi golongan intelektual Islam dan tidak mustahil bahawa reformasi ini ditentang oleh golongan-golongan alim ulama sendiri (Rahimin Affandi Abd. Rahim 2017: 100).

Selain itu, untuk memastikan reformasi ini berjalan dalam tempoh waktu yang panjang, usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mengikis sikap *taqlid* itu tidak hanya boleh dilakukan secara retorik tetapi memerlukan satu strategi dan perumusan teologi tajdid era yang moden untuk mengikis golongan *taqlid* tersebut. Istilah *tajdid* atau pembaharuan dalam agama ini mungkin akan menimbulkan tanda tanya dan terlalu asing didengar terutamanya bagi penganut Islam tetapi sejarah membuktikan bahawa pembaharuan ini menjadi asas kepada sebahagian intelektual di beberapa negara umat Islam seperti Indonesia. Selain itu, rumusan teologi Islam yang dilakukan oleh para intelektual menunjukkan bahawa teologi Islam dahulu bersifat dangkal dan tidak mengandungi metodologi yang khusus tentang bagaimana langkah-langkah baru yang akan diambil oleh manusia dalam menghadapi cabaran pada zaman moden ini (Rahimi Affandi Abd Rahim 2017: 101).

Berdasarkan pandangan Abdul Karim Sorous, pandangan beliau bertepatan seperti mana yang diajar dalam Islam. Beliau juga mempercayai bahawa hanya Tuhan yang layak disembah dan perlu diikuti dari segala perkara. Beliau melakukan reformasi terhadap agama Islam itu sendiri untuk memastikan tidak berlaku ketinggalan zaman dan wujudnya golongan yang masih bersifat tertutup dalam agama. Menurut beliau, Islam mengakui tentang kewujudan elemen di antara agama-agama di seluruh dunia di mana terdapat padanya unsur-unsur penekanan kepada sistem moral yang baik, penekanan kepada hukuman terhadap sesuatu perbuatan yang buruk, percaya kepada kuasa ketuhanan yang menguasai dan mempengaruhi kehidupan manusia dan alam, penekanan kepada penyucian diri untuk tujuan kebaikan dan penekanan kepada budaya ilmu (Rahimi Affandi Abd Rahim 2017: 112).

Di sini pengkaji cuba untuk mengambil salah satu pendapat yang dikatakan oleh Abdul Rahim Soroush iaitu berkenaan budaya ilmu. Menurut Ahmad Zaid Hasanudin dalam karangan beliau *Kewajipan Menuntut Ilmu Menurut al-Quran dan al-Hadis* (2017), Islam merupakan agama yang mementingkan ilmu pengetahuan bahkan pada awal sejarah Nabi Muhammad SAW, ayat yang diturunkan kepada baginda juga berkenaan pendidikan. Selain itu, ilmu pengetahuan juga bukan hanya memfokuskan kepada ilmu Islam sahaja, tetapi digalakkan juga untuk mempelajari ilmu-ilmu lain yang tidak bertentangan dengan syariah Islam bahkan menuntut ilmu merupakan wajib bagi setiap manusia. Firman Allah SWT dalam surah Iqra' yang bermaksud: "*Bacalah dengan menyebut nama tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakanmu dari segumpal darah. Bacalah dan tuhan mu yang maha mulia. Yang mengajarkan manusia dengan pena dan tulisan. Dia yang mengajarkan manusia apa yang tidak diketahui*".

Menurut Sayyid Quṭub (2000), ayat ini menjelaskan hakikat mengajar iaitu bagaimana Allah SWT mengajar manusia dengan pena kerana pena ini memberi kesan yang mendalam kepada manusia. Oleh itu sekiranya al-Quran itu bukan wahyu yang diturunkan Allah, sudah pasti tidak akan menonjol hakikat peranan pena itu pada awal dakwah Nabi Muhammad SAW. Maka di sini dapat dilihat bahawa perubahan yang ingin dibawa oleh Abdul Karim Soroush ini adalah bertepatan dengan apa yang disebut di dalam al-Quran. Pelaksanaan kepada pluralisme perlu diterap dalam setiap kehidupan masyarakat yang berpaksikan kepada batas-batas syariah dan tidak menjerus kepada pandangan keburukan dan penyelewengan.

Oleh itu, menurut pengkaji tidak mustahil bagi Abdul Karim Soroush untuk mewujudkan satu fenomena baru yang mengubah dunia iaitu dengan memperkenalkan konsep pluralisme agama untuk memastikan kesinambungan dan keharmonian sesebuah negara itu terjamin. Meskipun begitu, dalam usaha untuk merealisasikan pluralisme ini, dapat dilihat bahawa konsep yang ditekankan oleh Abdul Karim Soroush ini bertepatan seperti mana yang diajar oleh Islam.

3. Penekanan Kepada Kebebasan Dalam *Sharī'ah*

Al-Quran merupakan mukjizat yang teragung yang terkandung di dalamnya pelbagai hukum dan syariah untuk menjadi panduan bagi seluruh manusia begitu juga apa yang diperkatakan oleh Abdul Rahim Soroush di mana beliau menjelaskan bahawa agama itu turun atas kehendak Tuhan tetapi yang membezakan adalah kebebasan manusia untuk memahami dan mentafsirnya. Dengan kata lain, pentafsiran ayat-ayat al-Quran itu tidak perlu merujuk kepada pandangan para ulama dan memadai dengan cara memahaminya lalu ditafsirkan mengikut apa yang difahami. Ini menunjukkan bahawa pengenalan ini yang menyebabkan titik mula kepada pentafsiran secara manusiawi dan bergantung pada penguasaan pengetahuan manusia itu sendiri. Kesan daripada penekanan ini, akan mewujudkan satu penolakan mengenai kebenaran pemahaman dalam pengetahuan agama yang asal kepada agama yang 'baru' yang lebih ke arah manusiawi. Selain itu, penekanan ini akan mendorong kepada wujudnya gerakan-gerakan pola pemikiran secara plural dalam memahami agama (Badarussuamsi 2015: 58)

Selain itu, menurut beliau juga, walaupun agama itu tidak mengalami apa-apa perubahan tetapi yang menjadi perhatian di sini adalah pemahaman mengenainya dan menurut beliau juga, pengetahuan agama itu merupakan satu dari cabang-cabang pengetahuan manusia. Dengan kata lain, ia tidak bertuhankan oleh sifat ketuhanan agama dan tidak boleh dicampur adukkan dengan agama itu sendiri. Ini kerana, pengekalannya kepada Islam itu sendiri disebabkan pengetahuan agama yang dihasilkan oleh cendekiawan Islam yang berpaksikan kepada al-Quran dan hadis, menyebabkan kesucian itu terpelihara. Kemudian, beliau menerangkan lagi bahawa pengetahuan terhadap agama itu akan mengalami perubahan dan berevolusi kerana pemahaman yang lebih baik dan

komprehensif akan menggantikan pemahaman yang lebih terbatas yang digunakan pada ketika dahulu (Heyking John Von 2005: 13).

Sehubungan itu, kebebasan dalam konsep *sharīah* ini pada akhirnya akan mewujudkan golongan beraliran terbuka yang dikenali sebagai golongan liberal. Golongan ini dapat dibahagikan kepada dua golongan iaitu *Liberal Muslims* dan *Liberal Non-Muslims*. Justeru, untuk memperkuatkan lagi mengenai kewujudan golongan liberal Muslim ini, antara contoh yang dapat dilihat mengenai ini adalah di Malaysia di mana gerakan ini mempunyai jaringan dengan gerakan modenisme yang berlaku pada zaman pra dan pasca kemerdekaan. Idea-idea yang diperoleh daripada gerakan kaum muda ini berinspirasi daripada tokoh-tokoh penulis modernis Timur Tengah seperti Jamaluddin al-Afghāni, Muḥammad ‘Abduh dan Rashīd Riḍā dan antara tokoh-tokoh yang dijadikan sumber kekuatan adalah Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Syeikh Muhammad Salim al-Kalali dan Syed Syeikh al-Hadi. Jika dilihat kepada tokoh-tokoh ini, idea yang digunakan oleh mereka adalah lebih kepada falsafah Barat dan bertujuan untuk mengharmonikan Islam dan Barat dalam mencapai kemajuan moden. Selain itu, dalam konteks kontemporari, antara tokoh yang memainkan peranan penting dalam idea liberalisme ini adalah Syed Akbar Ali, Zainah Anwar, Astora Jabat dan lain-lain (Kamal Azmi Abd Rahman 2017: 2).

Selain itu, sikap kebebasan ini juga merupakan satu elemen yang penting dalam mencapai sebuah tamadun yang maju. Ini kerana kemunduran umat Islam adalah berpunca daripada sikap yang tertutup dan tidak menerima keterbukaan. Faktor-faktor seperti *bertaqūid*, tertutup dan jumud dalam berfikir menyebabkan agama Islam itu dijadikan alasan kepada kemunduran sesebuah negara. Oleh itu, kebebasan yang dianjurkan ini adalah bertujuan untuk memastikan kehidupan masyarakat yang lebih terbuka dan kesannya adalah wujudnya pula fahaman baharu iaitu sekularisme. Bagi golongan yang menginginkan kebebasan, ideologi sekularisme perlu diterapkan dalam urusan pentadbiran dan juga dalam setiap kehidupan. Menurut Kassim Ahmad, kehidupan dunia yang sekular yang ditadbir oleh undang-undang kebaikan itu dibenarkan dan dikehendaki oleh Islam dan menurut beliau lagi undang-undang itu perlu dipisahkan daripada agama (Kamal Azmi Abd Rahman 2017: 5).

Hasil daripada penelitian ini, menurut pengkaji kebebasan dalam *sharīah* tidak boleh diberikan peluang kerana ia akan memberi pengaruh yang besar bagi generasi terkemudian. Selain itu, jika sifat keterbukaan ini diberikan, maka kualiti dan kesucian agama Islam itu semakin hari semakin pudar akhirnya, nilai-nilai, hukum-hakam, dan *maqasid shari‘ah* itu akan hilang. Oleh itu, memilih untuk bersifat terbuka bukan menjadi satu masalah tetapi sifat itu perlu sejajar dengan apa yang termaktub dalam al-Quran dan al-Sunnah.

4. Konsep *Ahlu Al-Dhimmah*

Berdasarkan kepada surah al-Kāfirūn itu juga, keseluruhan ayat ini turut menekankan keadilan pada golongan Muslim kepada *Non-Muslim*. Seperti mana yang dinyatakan sebelum ini, Rasulullah SAW tidak mengikut ajakan dan ajaran yang dikehendaki oleh golongan kafir dan golongan kafir pula tidak dipaksa untuk memeluk agama Islam dan pada perjanjian Hudaibiyah juga, hak-hak orang bukan Islam turut dijaga oleh Rasulullah SAW sepanjang pemerintahan baginda. Golongan-golongan kafir ini akan mendapat hak layanan dan kedudukan sama rata seperti mana orang Islam dan ini dinamakan golongan *ahlu al-dhimmah*.

Selain itu, kata ‘hak’ dalam bahasa Arab mempunyai beberapa makna dan salah satunya adalah ‘sesuatu yang tetap dan wajib’ dan apabila kata itu disusuli dengan kata *ahlu al-dhimmah*, maka wajib memenuhi ketetapan-ketetapan yang telah digariskan syarak dalam pelbagai aspek

seperti mana golongan Muslim. Menurut Yusuf al-Qaradawi, hak-hak bagi golongan *ahlu al-dhimmah* ini harus dipenuhi dan antara hak-hak mereka adalah mendapatkan perlindungan. Hak perlindungan ini bukan sahaja melibatkan secara dalaman malah juga luaran kerana ini dapat menimbulkan ketenangan ketika berada di bawah pentadbiran negara Islam. Tetapi yang menjadi persoalan pada masa kini adalah situasi yang di hadapi oleh negara-negara Islam yang lain menyebabkan jaminan tersebut seakan-akan tidak wujud dalam Islam (Muhammad Zaini 2017: 53)

Selain yang dinyatakan di atas, jaminan harta juga perlu diberikan kepada golongan *ahlu al-dhimmah* kerana ini menunjukkan bahawa agama Islam tidak bertentangan dengan fitrah. Perkara ini dapat diperkuatkan lagi dengan fitrah sebagai seorang manusia yang mencintai hak milik bahkan naluri untuk merasa mencintai kepada sesuatu itu telah wujud pada anak-anak yang merupakan pendorong dan satu motivasi yang kuat untuk bergerak dengan lebih baik. Berhubung dengan jiwa manusia yang mendapat perlindungan, Islam juga turut melakukan perkara yang sama pada aspek-aspek lain. Ini yang merupakan perlindungan-perindungan yang diberikan oleh Islam kepada masyarakat bukan Islam seperti perlindungan untuk bebas menganut agama, perlindungan nyawa, harta benda, perlindungan akal dan perlindungan keturunan. Selain itu, sejarah juga membuktikan bahawa Islam melindungi dan menghormati harta bagi golongan *ahlu al-dhimmah* seperti mana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika mengirim surat kepada golongan Majusi yang berada di Yaman yang pada waktu itu, negara dipimpin oleh Furruch bin Syakhsan. Kandungan surat itu adalah seperti mana berikut: “*Inilah surat dari utusan Allah kepada seorang merdeka bernama Farruch bin Syakhsan, saudara dari sahabat kami Salman al-Farisi, dan kepada keluarganya dan keturunannya. Selama dan di mana juga mereka berada, tidak ada bezanya, apakah mereka akan menjadi Muslim atau tetap dalam agama aslinya*”.

Selain diberikan perlindungan dari sudut harta, perlindungan terhadap kehormatan juga turut diberikan kepada golongan ini. Menurut Yusuf Qaradawi, Imam al-Qarafi berkata: “*sesungguhnya ikatan dhimmah terhadap mereka telah memastikan hak-hak yang harus dilindungi kerana mereka sudah berada di bawah jaminan kita dan barang siapa yang menyakiti mereka walaupun dengan perkataan maka ia menyia-nyikan jaminan Allah SWT dan Rasulnya*”. Selain itu, untuk menyokong perkara di atas, perkara ini dapat dilihat ketika seorang yang bernama Thama’h Ibnu Ubarik telah mencuri baju perang milik Qatadah Ibnu Nu’man. Kemudian Thama’h memberikan baju perang itu kepada seorang Yahudi yang bernama Zaid Ibnu Samin. Ketika baju itu digunakan oleh beliau, pemilik asal itu memintanya kembali lalu ditolak oleh golongan Yahudi tersebut kerana ia merupakan pemberian daripada Thama’h lalu perkara ini diceritakan kepada Rasulullah SAW. Kemudian Thama’h meminta Nabi SAW untuk membelanya lalu Allah SWT menurunkan surah al-Nisa ayat 105-112 yang menegur Nabi SAW agar tidak membela golongan yang berkhianat lalu memohon ampun kepada Allah SWT (Muhammad Zaini 2017: 66).

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada penelitian di atas, dapat dilihat bahawa Abdul Karim Soroush ini telah memperkenalkan satu teori baru yang dikenali sebagai *the contraction and expansion of religious interpretation* mencetus kontroversi kepada masyarakat Islam dunia. Sehubungan itu, pelbagai tanggapan yang dilakukan oleh golongan-golongan ulama terhadap beliau seperti sebagai Islam Liberal, bersikap terlampau terbuka dan memberi peluang kepada masyarakat untuk mentafsir al-Quran berdasarkan pemahaman masing-masing. Tetapi dalam pemerhatian pengkaji, perkara yang ingin di bawa oleh Abdul Karim Soroush ini tidak bertentangan dengan apa yang dikehendaki oleh fitrah manusia.

Contohnya berkenaan dengan pentafsiran kembali ayat al-Quran agar sesuai dengan zaman. Kenyataan ini jika diperhatikan, tidak bercanggah dengan konsep Islam itu sendiri kerana Islam sendiri yang menekankan agar manusia sentiasa mencari ilmu dan berusaha untuk mengungkap sesuatu yang belum jelas. Kenyataan beliau ini bukan maksud untuk merendahkan kedudukan al-Quran atau menghinanya, tetapi kenyataan ini dinyatakan kerana beliau melihat dari sudut pandang yang lain bahawa manusia ini akan mengalami kemajuan dan berevolusi. Maka setiap revolusi itu akan menimbulkan pelbagai persoalan-persoalan baru yang berkemungkinan tidak mempunyai jawapan untuk menyelesaikannya. Islam juga turut menyatakan garis turutan dalam penentuan sesuatu hukum seperti al-Quran, al-Sunnah, *Ijma'* dan *Qiyas*. Oleh itu, fahaman pengkaji mengenai apa yang dimaksudkan oleh Abdul Karim Sorous mengenai pentafsiran semula al-Quran adalah merujuk kepada perkara-perkara yang melibat *Qiyas* sahaja. Ini kerana beliau merupakan seorang Muslim dan tiada kenyataan yang mengatakan beliau telah keluar dari Islam. Maka ini boleh dirumuskan beliau juga mempunyai asas akidah dan pegangan agama yang betul.

Selain itu, Abdul Karim Sorous turut mengenalkan pluralisme agama dalam sesebuah negara. Pluralisme ini menjurus kepada tiada agama yang eksklusif dan semua agama dianggap *inclusive*. Jika dilihat pluralisme ini merupakan sebahagian daripada hak asasi manusia (HAM) kerana menurut Mohd Fauzi Bin Hamat (2008) dalam kajian *Hak Asasi Manusia Menurut Syarak*, beliau menyatakan ramai dalam kalangan para ilmuwan menyatakan HAM ini merupakan hak tabii yang dimiliki oleh semua manusia. yang terikat dengan kewujudan secara semula jadi dan diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. HAM secara umum mengiktiraf hak-hak individu dan masyarakat dalam semua perkara termasuk hak untuk mendapat kebebasan dalam menjalani kehidupan dengan pelbagai jenisnya.

Rumusan daripada pemerhatian ini, dapat dilihat bahawa Abdul Karim Sorous cuba memperkenalkan satu teori baru dalam agama Islam. Perubahan ini tidak mengurangi kedudukan al-Quran sebagai sumber utama umat Islam tetapi pada masa yang sama dapat melahirkan umat Islam yang lebih kreatif dalam menyalurkan idea bertepatan dengan syarak. Selain itu, ini juga menggambarkan bahawa Islam adalah bersifat *inclusive* dan mempunyai nilai toleransi dengan agama-agama lain. Selain itu, ini juga dapat membuka kembali pemikiran golongan-golongan anti-revolusi ini agar memikirkan kembali akan kelebihan dan manfaat yang akan wujud sekiranya konsep ini terus diterapkan kepada generasi muda.

Selain itu, walaupun pluralisme ini ditentang oleh pelbagai pihak, tetapi sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai bangsa dan negara seperti Malaysia, sikap keterbukaan, toleransi dan saling hormat-menghormati perlu dipupuk untuk melahirkan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu. Sehubungan itu, antara kesan yang dapat dijangka jika berlakunya keterbukaan ini adalah lahirnya golongan-golongan liberal tetapi pengkaji cerakinkan liberal ini kepada dua kategori iaitu 'liberal beriman' dan 'liberal ekstrem'. Sifat ingin hidup dalam keadaan bebas tanpa disekat oleh undang-undang dan hukum-hakam merupakan fitrah sebagai seorang manusia. Tetapi bukan semua di kalangan umat Islam yang bersifat terbuka boleh bersikap bebas hingga menyalahi apa yang ditentukan syarak. Sebahagiannya sama seperti mana golongan-golongan Muslim yang lain dan ini berbeza dengan golongan yang ekstrem. Golongan ini lebih kepada tindakan nafsu dan peribadi yang akhirnya undang-undang syariat semakin lama akan pudar dalam masyarakat. Oleh itu, dalam konteks berkenaan Abdul Karim Sorous ini, kecenderungan kepada kemajuan itu diperlukan untuk melahirkan generasi dan negara yang lebih maju sejajar dengan apa yang ditetapkan dalam Islam.

RUJUKAN

- Ahmad Mustafa al-Marāghī. 2001. *Tafsīr Al-Marāghī*. Muhammad Thalib (pnyt.). 1st ed. Kuala Lumpur: Karya Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anita Khusnun Nisa' & M. Wahid Nur Tualeka. 2016. *Kajian kritis tentang toleransi beragama dalam islam*. Jurnal Al-Hikmah studi agama-agama 2(2):1–12.
- Arie Machlina Amri. 2014. *Metode penafsiran al-quran*. INSYIRAH 2(1):1–23.
- Badarussuamsi. 2015. Pemikiran *abdul karim soroush* tentang persoalan otoritas kebenaran agama. ISLAMICA Studi Keislaman 10(1):56–81.
- Behrooz Ghamari-Tabrizi. 2013. *Abdolkarim soroush*. The Oxford Handbook of Islam and Politics 1–18.
- ‘Imaduddin Abi al-Fidā’ Isma‘īl Bin Kathīr. 1981. *Mukhtaṣor Tafsīr Ibn Kathīr*. Muhammad Ali Al-Shobbuni (pnyt.). 1st ed. Beirut Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Hadi Munawar. 2004. *Pemikiran abdul karim soroush (studi atas teori perluasan dan penyempitan pengetahuan agama)*. IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Heyking John Von. 2005. *Mysticism in contemporary islamic political thought: abdolkarim and orhan pamuk*. HUMANITAS XIX(1 & 2):71–96.
- Ibnu Kathir. 2008. *Tafsir Ibnu Katsir*. Taufik Saleh Alkatsiri & Abu Ihsan al-Atsari. M. Yusuf Harun, Hidayat Nur Wahid, Farid Achmad Okbah, Yazid “Abdul Qadir Jawas, Mubarak Bamu” allim, Farhan Dloifur (pnyt.). 7th ed. Pustaka Imam asy-Syafi’i.
- Ibnu Kathir. 2009. *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*. Syaikh Shafiyurrahman al-Mubarakfuri (pnyt.). 2nd ed. Indonesia: Pustaka Ibnu Katsir.
- Kamal Azmi Abd Rahman. 2017. *Pengaruh pemikiran islam liberal dalam fahaman anti hadis*. Dlm. E-Proceeding of the 2nd INHAD International Muzakarah & Mu’tamar on Hadith 2016 15th November 2017, International Islamic University College Selangor, Bandar Seri Putra, MALAYSIA., hlm. 1–15. Selangor: INHAD International Muzakarah & Mu’tamar on Hadith.
- Kārim al-Sayyid Ghanīm. 2010. *I‘jāz Al-Kitāb Fī Waṣīf Al-Sahāb*. Mausū‘ah Al-I‘jāz Al-‘ilmī Fī Al-Qurān wa Al-Sunnah . <http://www.quran-m.com/quran/article/2099/إعجاز-الكتاب-في-وصف-السحاب> [April 16, 2019].
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. 2008. Toleransi *beragama dan amalannya di malaysia: rujukan kepada artikel 11 perlembagaan persekutuan malaysia*. Usuluddin (27): 81–92. https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00002846_73689_70358.pdf.
- Mazlan Ibrahim. 2017. *Al-tasamuh dalam al-quran: satu kajian tafsir tematik*. Dlm. Cheloh Khaegphong Mohd Nasran Mohamad, Muhamad Razak Idris, Farid Mat Zain & Anis Pattanaprichawong & Nik Abdul Rahim Nik Abdul. Ghani (pnyt.). Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia, hlm. 442–47. Thailand.
- Mohd Fauzi Bin Hamat. 2008. *Hak asasi manusia menurut syarak*. Penyelidikan Islam 20:45–66.
- Muhammad Bin ‘Alī Bin Muhammad Al-Shaukānī. 1995. *Fathu Al-Qadīr Al-Jāmir Baina Fannī Al-Riwāyah Wa Al-Dirāyah Min ‘Ilmi Al-Tafsīr*. Hishām Al-Bukhārī & Khuḍor ‘Akārī (pnyt.). 1st ed. Sudan-Beirūt: Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.
- Muhammad Husīn al-Dhahabī. 2000. *Al-Tafsīr Wa Al-Mufasssīn*. 7th ed. al-Qāherah: Maktabah Wahbah.
- Muhammad Zaini. 2017. *Hak dan kewajiban ahl adz-dzimmah menurut yusuf al-qaradhawi*. Universiti Islam Negeri (UIN) Antasari.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2017. Pendekatan *pluralisme dalam pengajian islam: satu pengenalan*. Dialog Peradaban 1:99–116.

- Rifki Pahlevi. 2014. *Agama dan pengetahuan agama menurut abdul karim soroush dan relevansinya terhadap studi agama-agama di indonesia*. Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Sayyid Quṭub. 2000. *Tafsir Fi Zilalil Quran Di Bawah Bayangan Al-Quran*. Yusoff Zaky Haji Yacob (pnyt.). 1st ed. Kuala Lumpur: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.